

PEN. 5/76/59(PM)


UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN, PEMANGKU  
PRESIDEN UMNO DI MAJLIS KESYUKURAN PERAYAAN  
UMNO KE 30 DI PADANG SULTAN SULAIMAN KELAB,  
KUALA LUMPUR, PADA HARI SELASA, 11HB MEI,  
1976, JAM 4,30 PETANG

Saudara Pengerusi,  
Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO,  
Saudara-saudara sekalian,

hasil  
Tiga puluh tahun yang lalu, suatu perhimpunan yang dihadiri oleh pejuang-pejuang politik pada tarikh bersejarah 11hb Mei bertempat di Istana Besar, Johor Baharu, lahirlah UMNO, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Hari ini, bersempena dengan tarikh berhikmat itu, kita sekalian berhimpun di sini untuk menyambut ulangtahun kelahiran UMNO dan untuk menyampaikan doa kesyukuran kita ke hadzrat Allah kerana dengan taufik dan inayahNya, parti kita UMNO telah berjaya memperjuangkan matalamat utamanya iaitu membebaskan negara daripada belunggu penjajahan.

2. Dua bulan sebelumnya, bertempat di bangunan lama Kelab Sultan Sulaiman ini, telah berlangsung Kongres Melayu yang pertama dari lhb hingga 4hb Mac, 1946, yang dihadiri oleh 41 buah pertubuhan, persatuan dan Kesatuan Melayu dari seluruh tanahair termasuklah Kaum Ibu dan Kaum Asli. Kesemuanya seramai 107 orang wakil dan 56 orang pemerhati telah menghadiri Kongres yang bersejarah itu. Kongres selama empat hari itu telah membincangkan masa depan negara dan bangsa Melayu khasnya berikutan dengan cadangan Kerajaan Inggeris menjadikan Malaya pada masa itu sebagai tanah jajahannya di bawah nama Malayan Union. Perhimpunan tersebut yang di pelopori oleh Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor, telah membuat keputusan membentuk se buah badan yang diketuai oleh Allahyarham Dato' Onn, untuk merangka undang-undang tubuh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO.

3. Kita sekalian berhimpun hari ini untuk mengenang kembali, mengingat kisah tertubuhnya UMNO, kisah suka dukanya dan, yang lebih penting, semangat yang telah mendorongkan kelahiran UMNO itu.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

4. Sebagai salah seorang yang turut bersama pada masa itu, saya masih ingat betapa banyaknya rintangan dan duri ranjau yang kita lalui. Saya masih dapat membayangkan bagaimana gerun dan takutnya setengah-tengah orang-orang kita untuk menyertai gerakan kebangsaan, menghadapi kekuatan penjajah British, yang baru saja mengambil alih pentadbiran daripada tangan Jepun.

5. Saya masih ingat bagaimana sukarnya meyakinkan orang-orang kita terhadap konsep perjuangan UMNO. Sekalipun demikian, sebahagian dari orang-orang kita yang sedar dan penuh dengan semangat kebangsaan, telah tampil ke muka, turut bersama-sama dengan UMNO, berdiri menentang Malayan Union, yang dicipta oleh British untuk melenyapkan kekuasaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu.


6. Menerusi UMNO, orang-orang Melayu dari seluruh Semenanjung telah bangun, bersatu dan bergerak maju. Dan mulai dari saat itu, terciptalah angkatan perjuangan orang-orang Melayu secara tersusun, demokratik dan berperlembagaan. UMNO tegak sebagai lambang perpaduan bangsa Melayu dan sejak tarikh itu, UMNO terus mara ke hadapan -- membujur lalu, melintang patah.

7. Alhamdulillah, semuanya ini telah menjadi peninggalan dan catitan sejarah. Tetapi semangat UMNO, yang telah meresapi seluruh bangsa dan menjadi pegangan kita, masih ada dan tetap ada, bersama-sama kita.

Saudara-saudara sekalian,

8. Saya memperkatakan perkara ini kerana pada hemat saya, perlulah kita mengenang kembali akan sejarah kegemilangan UMNO, serta ciri-ciri perjuangannya dalam menghadapi beberapa issue. Demikian juga adalah perlu kisah sejarah itu diketahui oleh jenerasi muda hari ini supaya mereka dapat menilai dan memahami perjuangan UMNO di masa yang lepas, sekalipun ia di asaskan oleh rakyat biasa dan tidak banyak yang mempunyai ijazah dan berkelulusan tinggi.

9. Saya menitikberatkan hal UMNO ini kepada golongan belia, kerana didapati belia-belia dewasa ini istimewa yang telah berpelajaran tinggi, belia-belia yang mempunyai didikan dan kesedaran politik, sudah tidak lagi mempunyai minat yang begitu tinggi terhadap UMNO, mungkin menurut pandangan mereka, UMNO bukanlah sebuah parti progresif, ataupun yang merangkum idealism mereka untuk meminatinya. Dalam hal ini, perlulah saya menyatakan



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

bahawa mungkin UMNO disifatkan tidak progresif atau UMNO sebuah parti yang bercorak perkauman. Sekalipun demikian, UMNO telahpun membuktikan bahawa ia dapat hidup dan dapat meneruskan bahtera perjuangannya dalam semua zaman di masa lepas dan Isya Allah, dalam semua zaman di masa yang akan datang. UMNO mungkin dilihat perkauman pada bentuknya, tetapi ia luas dan non-communal dalam konsep dan approachnya.

10. Dari titik awal perjuangannya mencapai kemerdekaan, UMNO telah hidup dan dihidupkan dengan semangat perjuangan yang bernyala-nyala, sekalipun pemerintah Inggeris telah cuba mengenakan tekanan secara kasar dan halus terhadap pemimpin UMNO. Namun UMNO dapat bergerak, sehinggalah ia berjaya menghasilkan taraf Kerajaan sendiri di Tanah Melayu pada tahun 1955 dan akhirnya kemerdekaan dalam tahun 1957. Semuanya hasil ini adalah natijah daripada semangat perjuangan UMNO tahun 1946, yang merangkum setiap perasaan, keazaman dan pengorbanan ahli-ahlinya, untuk membulatkan perjuangan terhadap menegakkan kedaulatan bangsa Melayu dan kemerdekaan tanahair.

Saudara-saudara sekalian,

11. Hari ini kita semua melihat UMNO telah berkembang begitu besar mewakili sebahagian besar orang-orang Melayu, sentiasa dan terus memperjuangkan kepentingan dan kebajikan mereka di samping kebajikan rakyat Malaysia amnya. Kita bersyukur kehadzrat Allah s.w.t. yang telah memberi taufik dan hidayah kepada setiap pemimpin dan setiap ahli dahulu dan sekarang yang telah dapat mengekalkan perpaduan di kalangan parti, serta memelihara kita sekalian.

12. Berkat usaha suci mereka yang terdahulu dari kita UMNO telah dapat keyakinan dan kepercayaan bukan sahaja dari orang-orang Melayu sendiri, bahkan dari kaum-kaum lain di negara ini. Dengan kerjasama erat serta sokongan seluruh rakyat di segenap pelusuk tanahair, kita telah dapat mencapai matalamat dan cita-cita yang berfaedah. Hasil dari perjuangan kita ini seluruh rakyat Malaysia telahpun dapat merasai hikmat kemakmuran dan kebahagiaan.

13. Saya sungguh merasa bangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh ahli-ahli UMNO. Sejak dari mula UMNO ditubuhkan, semangat perjuangan yang dilahirkan oleh ahli-ahlinya sangat menggalakkan dan kepada saya, khususnya, sentiasa menjadi inspirasi dan kesedaran kepada pucuk pimpinan, untuk lebih bergiat bagi mencapai matalamat yang diharapkan.

Saudara-saudara sekalian,

14. Seringkali kita katakan bahawa UMNO adalah parti yang kukuh dan utuh kerana dalam tempoh 30 tahun, ia hanya melalui 3 perubahan pucuk pimpinan dan mempunyai 4 orang Presiden. Perubahan pucuk pimpinan itu berlaku dalam keadaan yang berlainan. Namun demikian, sekalipun pemimpinnya berubah, tetapi perubahan itu berlaku secara natural dan dasar perjuangan UMNO diteruskan dengan cita-cita perjuangan yang sama. Dalam hal ini, kita patutlah memberi penghargaan dan penilaian yang tinggi kepada bekas-bekas Yang di Pertua UMNO dari Allahyarham Dato' Onn hinggalah kepada YTM Tunku Abdul Rahman dan kemudiannya membawa pula kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Ketiga-tiga pemimpin itu mempunyai cara atau characteristic pimpinan yang berlainan -- daripada tapak pertama memupuk dan menyalakan kesedaran orang Melayu dengan slogan 'Hidup Melayu' kepada cita-cita kebebasan dengan slogan 'Merdeka' dan hingga kepada cogan kata 'Pembangunan'.

15. Pemimpin kita ini telah menaburkan jasa yang tidak ternilai harganya dan tidak dapat diukur dengan hakikat yang nyata. Semoga Allah tetap memberkati jasa-jasa mereka itu. Dari segi UMNO dan sejarah tanah air pula, jasa dan khidmat pemimpin kita itu tetap terukir dengan tinta emas untuk jadi tatapan dan renungan jenerasi akan datang. Kepada kita sekalian yang masih hidup, masih bergerak dan masih menyumbangkan tenaga dan masa, marilah kita jadikan jasa dan khidmat mereka itu sebagai obor untuk memandu kita dalam gerak dan langkah kita yang akan datang.

16. Dalam hubungan ini juga, saudara-saudara, saya ingin menambahkan bahawa di samping pahlawan dan pemimpin ulung kita yang telah berjasa itu, terdapatlah pemimpin-pemimpin besar dan kecil dari segenap peringkat yang telah memberikan khidmat serta pengorbanan mereka terhadap UMNO. Mereka itu bertungkus-mbersungguh dan berusaha tanpa banyak budi bicara, tanpa memperhitungkan untung rugi, berhutang berbaris tanpa mempersoalkan sakit senang, telah bekerja untuk parti dan bangsa. Mereka datang menghadiri mesyuarat-mesyuarat UMNO di mana-mana juga, dari pangkal hingga ke hujung Tanah Melayu, dari Pantai Timur ke Pantai Barat, tanpa memikirkan penat lelah, kebajikan keluarga dan sebagainya. Semangat dan perjuangan inilah, kepada saya, tidak kurang penting dan nilainya kerana parti tidak hidup tanpa pemimpin dan ahli, dan pemimpin pula tidak dapat kekuatan bergerak tanpa sokongan ahli-ahlinya.

17. Sebentar tadi, saya telah menyebutkan perihal perubahan dalam pucuk pimpinan UMNO, dan perubahan yang begitu aman dalam pucuk pimpinan selama tempoh 30 tahun, mencerminkan bahawa ahli-ahli UMNO keseluruhannya menerima setiap perubahan dengan cara yang mulia. Kita bersyukur kerana sebarang pertukaran pucuk pimpinan tidak berakhir dan tidak menimbulkan sebarang tindakan rampas kuasa ataupun rebutan kuasa. Ini merupakan satu tradisi orang Melayu yang tulen, yang saya percaya, akan dapat kita pelihara dan kita kekalkan. Kalaupun sifat-sifat dan tradisi ini dapat dikekalkan ke bawah -- di peringkat negeri, peringkat bahagian dan ke peringkat cawangan, saya percaya pertubuhan kita akan lebih kukuh dan utuh, kerana bersih dan tidak ada sebarang perebutan dalam parti kita.


Saudara-saudara sekalian,

18. Ditinjau dari kaca mata sekarang, ternyata bahawa UMNO bukanlah satu parti yang sempit, sebagaimana yang dikatakan. Dari slogan 'Hidup Melayu', yang memperjuangkan kepentingan dan membela hak orang-orang Melayu ia melangkah kepada konsep Perikatan dengan parti-parti politik kaum lain sehinggalah ia berjaya mempelopori kemerdekaan Tanah Melayu. Kemudian, UMNO mengambil inisiatif untuk pembentukan Malaysia dan seterusnya mempelopori konsep Barisan Nasional yang memperjuangkan kepentingan seluruh bangsa Malaysia, untuk membangun dan mencipta sebuah masyarakat adil, makmur dan bersatupadu.

Saudara-saudara sekalian,

19. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, UMNO telah melalui beberapa phase perjuangannya daripada membulatkan perpaduan orang Melayu menentang dan menghancurkan Malayan Union kepada perjuangan mencapai kemerdekaan. Dan sekarang, dengan berhasilnya kemerdekaan itu bermulalah pula perjuangan untuk mengisi kemerdekaan tersebut sesuai dengan keinginan memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat semuanya seperti yang kita idam-idamkan.

20. Saya faham bagaimana kuatnya hasrat saudara-saudara para pejuang UMNO sekarang dan setiap rakyat bahawa nikmat kemerdekaan itu mestilah dirasakan secara langsung dan secara nyata. Saya juga faham bagaimana nikmat kemerdekaan itu patut disalurkan kepada cara yang sebaik-baiknya bagi faedah rakyat. Dalam hal ini, saya mengetahui benar-benar akan perasaan dan kehendak ahli-ahli UMNO semua peringkat terutama dalam menyaksikan rakyat mendapat faedah di samping mereka sendiri merasai juga akan nikmat kemerdekaan itu.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

- 6 -

21. Namun demikian, saya secara ikhlas inginlah menegaskan di sini sekalipun kita bercita-cita untuk memberikan nikmat kemerdekaan itu supaya dapat dirasakan oleh rakyat, menurut nilai dan pertimbangan mereka sendiri, tetapi adalah seperkara yang mustahil untuk membawa rahmat dan nikmat kemerdekaan itu dengan serta merta dan seberapa banyak, dalam tempoh yang segera.

22. Dalam hal ini, perjuangan UMNO dalam Kerajaan belumlah dapat hasil atau menghasilkan natijah dengan sepenuhnya. Sekiranya cita-cita kita, dalam UMNO, menghendakkan perubahan dan nikmat tersebut berdasarkan kepada faedah kebendaan semata-mata dengan mengenyampingkan semangat perjuangan yang menjadi landasan kita di masa lepas yang tidak mengharapkan apa-apa balasan, pada hemat saya, akan melemahkan perjuangan kita. Sebaliknya, ahli-ahli UMNO patutlah memperkukuh dan memperkuat semangat untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat sambil mengenyampingkan buat sementara faedah kebendaan untuk kita itu. Saya sedar sebahagian besar dari ahli-ahli kita memang mempunyai semangat berkhidmat ini. Saya hanya membangkitkan perkara ini sebagai intangan supaya kita tidak lari dari landasan perjuangan asal.


23. Hal ini patutlah difahami dalam konteks dunia sekarang, kerana sekiranya kita tergelincir dari dasar perjuangan cita-cita UMNO yang murni dan asli itu, saya bimbang landasan perjuangan UMNO di masa akan datang akan kabur sekiranya kita menumpu dan menentukan kehendak kita terhadap faedah kebendaan sahaja. Dalam hal ini, saya tidaklah pula bermaksud untuk menyatakan bahawa perjuangan setiap orang kita hanya untuk Allah semata-mata. Yang terpenting ialah perimbangan daripada khidmat dan faedah kebendaan inilah yang perlu difahami dan disebarikan kepada setiap kita yang mencintai parti, yang kasihkan bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian. \*

23A. Saya bangga dengan semangat dan kehadiran saudara-saudara di majlis ini. Saya juga bangga dengan perasaan dan semangat setiap ahli UMNO di mana-mana juga mereka berada di saat memperingati ulangtahun ke 30 ini. Saya bangga dengan semangat, minat dan sikap

saudara untuk memperkukuh dan memperkuat lagi perti kita. Saya penuh yakin kalau UMNO boleh hidup dan menghadapi cabaran selama 30 tahun, dengan izin Allah, ia boleh hidup dan bergerak berpuluh-puluh tahun lagi. Ingatlah kata hikmat pemimpin kita di masa lepas. Kata Allahyarham Tun Razak, "Perpaduan dan cinta kepada tanah air dan bangsa yang ditunjukkan pada masa UMNO ditubuhkan hendaklah dan mestilah dikekalkan ... "

24. Saya telah dapat bergerak dan mengikuti perjuangan UMNO sejak ianya ditubuhkan. Pada tahun awal perjuangan kita, semangat ahli-ahli begitu tinggi dan semua orang Melayu, samada ahli parti atau rakyat biasa telah menyokong sepenuhnya perjuangan utama UMNO ketika itu <sup>hingga</sup> dapatlah kita menghasilkan kejayaan besar dan membawa perubahan seperti yang terdapat pada hari ini.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

25. Demikian juga mulai awal tahun lima puluhan semangat perjuangan ahli UMNO dan orang-orang Melayu telah sekali lagi berkobar memuncak kerana pilihanraya umum pertama tahun 1955 dan terus berjuang menuntut kemerdekaan yang telah menjadi kenyataan pada 31hb Ogos, 1957. Kejayaan ini telah diikuti pula dengan kemenangan kita membulatkan sokongan rakyat terhadap perjuangan menamatkan darurat pada akhir tahun 1960. Kemudiannya kejayaan cemerlang parti kita bersama-sama Perikatan dalam pilihanraya tahun 1964. Kesimpulan dari kejayaan dan kemenangan ini membuktikan bahawa jika orang-orang Melayu bersama-sama bangsa lain dengan dipelopori oleh UMNO sendiri sanggup mengorbankan masa dan tenaga berjuang dengan penuh semangat keikhlasan dan kesucian, maka matalamat perjuangan kita akan tetap dicapai dalam tempoh yang dijangka.

26. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya suka membawa perhatian hadirin terhadap Seminar Ekonomi UMNO yang telah kita adakan tiga hari yang lepas. Pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh para peserta sekelian dengan jujur dan dari hati sanubari mereka sendiri itu tidaklah boleh diperingankan.

27. Matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang telah dilancarkan lima tahun lalu, mengikut dari kebanyakan pendapat para perwakilan, belumlah begitu memuaskan. Kita hanya mempunyai 15 tahun sahaja lagi untuk sampai ke akhir matalamat pertama kita. Kalaulah tempoh perjalanan kita itu tidak dipercepatkan, saya bimbang, kita hanya sampai separuh jalan sahaja setelah habis tempoh masa yang ditetapkan itu.

28. Saya menyebutkan hal ini kerana saya suka membangkitkan kesedaran orang-orang Melayu khasnya ahli UMNO, disemua peringkat dan tanpa membezakan kedudukan, bahawa adalah menjadi kewajipan kita menentu dan menjaminkan yang matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan itu dicapai sepenuhnya, dalam jangka masa yang ditetapkan.

28A. Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa perpaduan dan kekuatan politik UMNO telah kita capai. UMNO sekarang tegak sebagai tenaga penggerak atau "dominant force" dalam politik negara. Dengan kekuatan politik yang ada pada kita itu, maka tugas kita yang utama sekarang ialah menumpukan seluruh tenaga dan usaha ke arah mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru kerana pada kejayaan Dasar inilah terletak masa depan UMNO sebagai parti yang dapat memenuhi kehendak dan hasrat rakyat. Oleh itu seluruh pemimpin dan ahli UMNO hendaklah menjadikan Dasar Ekonomi Baru ini sebagai "rallying point" kepada perjuangan mereka untuk membawa kemakmuran yang lebih adil dan saksama kepada rakyat seluruhnya sama seperti perjuangan menentang Malayan Union dan kemerdekaan dahulu.

Saudara-saudara sekalian,

29. Dengan berpulanginya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Razak, pimpinan UMNO telah diserahkan kepada saya. Saya menerima amanah ini dengan penuh kesedaran tentang kekurangan saya, tentang kelemahan saya sebagai makhluk Tuhan.

30. Akan tetapi, saya menerima amanah ini juga dengan keyakinan dan kepercayaan yang kita - setiap ahli dan pemimpin akan memberi sokongan dan membantu saya dalam menyempurnakan tugas saya yang berat ini. Saya bersyukur kerana sokongan itu ada diberikan. Saya berterima kasih kerana kepercayaan itu ada diletakkan. Demi menghadapi cabaran dan tugas di hadapan kita, dan sempena perhimpunan perayaan ulangtahun ke 30 ini, marilah kita membulatkan perpaduan di kalangan ahli, bersama-sama membaharui azam dan tekad supaya kita kembali kepada semangat tahun-tahun <sup>empat dan</sup> lima puluhan dahulu dengan memusatkan segala usaha, tenaga dan kemampuan kita demi kepentingan masa depan kita yang lebih cemerlang lagi. Demikian juga untuk menentukan supaya matalamat Dasar Ekonomi Baru dapat dijayakan sepenuhnya.

31. Kejayaan ini, seperti mana saya kerap kali menyatakan, berkehendakkan kerjasama erat serta sokongan dan penglibatan semua pihak. Orang-orang Melayu sendiri haruslah memainkan peranan yang lebih penting lagi supaya segala hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru itu dapat dicapai sepenuhnya demi kepentingan rakyat dan negara.

32. Akhirnya, saudara-saudara, UMNO tidak akan pecah, kalau ahli-ahli UMNO tidak mahu ia pecah. UMNO tetap kuat kalau kita berusaha menguatkannya. UMNO tetap padu dan bersatu kalau kita bersedia menyatukannya.

33. Semoga Allah yang Maha Pemurah akan melingungi dan memberkati kita dalam semua usaha kita. Terimakasih.

KUALA LUMPUR,  
11hb. Mei, 1976

(dikeluarkan pada pukul 3.00 petang.)

AF/abs

PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI



JUN 1975



No Siri	190
Penerimaan	13/76